



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 5/2023  
30 MEI 2023 (10 ZULQA'DAH 1444H)**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada di bulan Ramadhan yang mulia ini dalam Mesyuarat Majlis yang keempat pada tahun ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan setiap perancangan dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama ini sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.
  
2. Saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen

terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Alhamdulillah, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah berjaya mendapatkan pensijilan ABMS daripada SIRIM QAS International bagi kategori sistem pengurusan *Anti-Bribery* bagi perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merangkumi perkhidmatan utama dan sokongan kerajaan tempatan. Sebagai makluman bersama, tarikh sah sijil adalah 28 April 2023 – 27 April 2026.

Sehubungan ini, suatu majlis penyampaian sijil oleh pihak SIRIM akan dianjurkan pada 8 Jun 2023 bertempat di dewan Banquet, Dewan Sivik, MBPJ. Turut diadakan bersama adalah Bengkel Keselamatan ICT dan Taklimat Anti Rasuah pada sesi pagi. Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin membuktikan kepada orang ramai bahawa Majlis mengamalkan ABMS dalam semua urusan pentadbiran dan perkhidmatannya. Ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan imej Majlis ke arah yang lebih baik selain tekad dalam mengekalkan pensijilan ABMS di masa hadapan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Masalah jalan berlubang atau jalan rosak adalah salah satu isu besar di Petaling Jaya. Antara faktor yang menyumbang kepada kerosakan jalan di Petaling Jaya adalah pertambahan bebanan trafik dan kenderaan berat lebih muatan yang melalui jalan tersebut juga menjadi salah satu punca kerosakan jalan dan ia turut memendekkan jangka hayat jalan berkenaan. Kerja-kerja korekan jalan yang dilakukan oleh pihak utiliti turut menjadi punca jalan-jalan berlubang. Setelah kerja-kerja pemasangan kabel paip dilakukan, jalan berkenaan tidak diturap dengan baik dan ia menyebabkan jalan menjadi lebih mudah rosak.

Untuk makluman bersama, jumlah panjang jalan di seluruh Petaling Jaya adalah 1,482 km. Sehingga April 2023, Majlis melalui Jabatan Kejuruteraan telah menerima sebanyak 354 aduan jalan berlubang/rosak dan sebanyak 274 aduan atau 77 peratus (77 %) telah dilaksanakan kerja-kerja pembaikan. Sumber-sumber aduan yang diterima oleh Jabatan Kejuruteraan adalah melalui **sistem aduan, Sistem Intelligent Respond Selangor (IRS)**, **Waze**, **media sosial**, **surat**, **panggilan telefon**, **rondaan oleh Pegawai Zon** dan **rondaan oleh kontraktor tahunan yang dilantik**.

Berdasarkan aduan-aduan yang diterima, Jabatan Kejuruteraan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan melalui kaedah-kaedah seperti berikut :

- a) Kerja pembaikan jalan yang dilaksanakan oleh *Unit In-House (Road Gang MBPJ)*. Sehingga April 2023, pasukan *Road Gang* telah melaksanakan sebanyak 467 kerja tampilan jalan berlubang dengan anggaran kos bahan sebanyak RM 140,000.00.
- b) Kerja pembaikan jalan melalui kontraktor tahunan dan kontraktor inden.

Untuk makluman, Majlis telah melantik 3 kontraktor tahunan bagi kerja pembaikan jalan/jalan berlubang. Kontraktor pembaikan jalan berlubang (*pothole*) berjumlah RM 600,000.00 yang dibahagikan kepada Pakej Utara dan Pakej Selatan. Sehingga Mei 2023, kontraktor Pakej Utara telah melaksanakan kerja tampilan jalan berlubang di 60 lokasi sementara kontraktor Pakej Selatan sebanyak 30 lokasi.

Dalam masa yang sama, bagi kerja pembaikan jalan berskala besar berjumlah RM 1.5 juta yang merangkumi 4.5 km panjang jalan rosak, sehingga Mei 2023, kontraktor yang dilantik telah menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan sepanjang 850 meter. Jabatan Kejuruteraan juga telah merancang untuk mengeluarkan projek pembaikan jalan berskala besar fasa 2 berjumlah RM 2 juta yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2023 yang melibatkan 6.4 km panjang jalan.

Bagi kerja pembaikan melalui kontraktor Kerja Inden/Segera, sehingga Mei 2023, Jabatan Kejuruteraan telah melantik 19 kontraktor Inden untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan/jalan berlubang dengan jumlah sebanyak RM 378,700.00.

Pada tahun ini, bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan penyelenggaraan jalan di Petaling Jaya, Jabatan Kejuruteraan akan mula melaksanakan rondaan kerosakan jalan dengan menggunakan teknologi *Artificial Intelligence (AI) Pothole Detection System* bagi menambaik sistem rondaan sedia ada. Melalui sistem ini, cerapan kerosakan akan diterapkan ke dalam sistem pangkalan data menggunakan ‘*AI Dashcam Detection*’ (peralatan dipasang pada kenderaan). Setelah cerapan dilakukan, data-data berkenaan akan dianalisa di ‘*Command Center*’ dan pihak kontraktor akan diarah ke lokasi kerosakan dengan kadar segera bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih secara kecemasan.

Disamping itu, Jabatan Kejuruteraan juga akan melaksanakan 15 kerja-kerja pembaikan jalan berskala besar dengan menggunakan anggaran peruntukan MARRIS berjumlah RM 19,572,000.00 yang dijangka akan bermula pada bulan Jun 2023 secara berperingkat.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Negara Malaysia dan juga negara jiran seperti Thailand dan Singapura sedang mengalami fenomena El-Nino atau lebih dikenali dengan cuaca kering dan panas buat masa ini. Perubahan cuaca ini dijangka berlanjutan selama 3 bulan iaitu sehingga Ogos menurut sumber daripada Jabatan Meterologi Negara.

Untuk makluman semua, cuaca panas yang mencatat bacaan suhu sehingga 40 darjah Celsius ini mungkin akan mengakibatkan **kelesuan haba (Heat Exhaustion)** atau penyakit

yang lebih teruk **strok haba (Heat Stroke)**. Keadaan ini berlaku apabila suhu badan seseorang meningkat terlalu tinggi sehingga badan berkurangan air (**Dehydration**) dan berlaku kegagalan organ berfungsi. Gejala dan tanda awal strok haba adalah peningkatan suhu badan, jantung berdegup laju, sesak nafas, pening atau sakit kepala, muntah atau loya, kencing berkurangan.

Orang awam terutamanya kanak-kanak dan pekerja-pekerja yang menjalankan aktiviti di kawasan luar, adalah dinasihatkan untuk mengelakkan dari terdedah di bawah cuaca panas berpanjangan dan seboleh-bolehnya berada di dalam rumah, bangunan atau di tempat redup. Elakkan dari minum minuman manis jika terasa haus. Sebaliknya, seseorang itu harus banyakkan minum air kosong atau minuman *isotonik* untuk memastikan hidrasi yang cukup untuk badan. Orang awam juga diingatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka ketika musim panas dan kering ketika ini kerana ia akan menyebabkan kemerosotan kualiti udara serta pencemaran alam sekitar.

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Burung gagak merupakan sejenis haiwan yang boleh mendatangkan kacau ganggu, kerosakan infrastruktur dan kekotoran di kawasan perumahan, perniagaan dan harta benda. Saban tahun, MBPJ menerima pelbagai aduan kacau ganggu burung gagak oleh orang awam.

Semenjak tahun 2018, sebanyak 11 aduan telah diterima dan meningkat secara mendadak pada tahun 2019 kepada 38 aduan.

Pada 2020 dan 2021 sebanyak 31 aduan yang diterima dan naik semula pada 2022 kepada 49 aduan.

Memandangkan Majlis masih lagi menerima aduan gagak dan hasil pemeriksaan mendapati populasi gagak semakin banyak, Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran bercadang untuk mengadakan kempen tembak gagak bagi tahun ini sebanyak 2 kali iaitu pada 22 Julai dan 26 Ogos 2023.

Untuk kaluman semua, Majlis telah menghebahkan permohonan bagi penyertaan tembak gagak di media sosial rasmi MBPJ pada 18 April 2023 yang lalu dan setakat ini (17 Mei) seramai 40 penyertaan telah diterima.

Bagi menyertai kempen tembak gagak ini, pemohon perlu mengemukakan salinan kad pengenalan, buku lesen menembak yang terbaharu, buku akaun atau salinan penyata bank. Buat masa sekarang, Jabatan sedang dalam proses membuat permohonan permit bagi menjayakan kempen menembak daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Sejak dari tahun 2015, inisiatif ini telah dilaksanakan dan berjaya menumbangkan sebanyak 5,162 ekor burung gagak. Manakala pada tahun 2016 pula 3,859 ekor burung gagak berjaya ditembak. RM 5.00 telah diberikan untuk setiap ekor gagak yang tumpas yang membawa jumlah RM 45,105.00 untuk tahun 2015 dan 2016.

Pada tahun 2016 pula, jumlah bayaran dinaikkan kepada RM 6.00 untuk setiap ekor gagak yang ditembak. Pada tahun tersebut

sebanyak 2,981 ekor burung gagak telah ditembak dan membawa kepada RM 17, 886.00 jumlah keseluruhan pembayaran.

Pada tahun 2018-2020 kempen ini dihentikan seketika namun 2021 kempen ini dilaksanakan kembali atas faktor aduan yang diperoleh adalah tinggi. Pada tahun 2021 bayaran untuk setiap gagak masih kekal RM 6.00 dan jumlah gagak yang berjaya ditembak adalah 1,319 ekor bersamaan dengan RM 7,914.00 jumlah bayaran. Pada tahun lepas 2022, sebanyak 916 ekor gagak telah tewas dengan kadar bayaran RM 6.00 kekal seperti tahun-tahun sebelumnya dan menjadikan jumlah keseluruhan tahun lepas adalah RM 5,496.00.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin memaklumkan situasi terkini mengenai Kes Denggi di Petaling Jaya. Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 20/2023 adalah sejumlah 99 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,860 kes yang dilaporkan. Jika dilihat situasi ini, ianya meningkat 1 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 98 kes. Jumlah Lokaliti Wabak bagi ME 20 adalah sejumlah 42 lokaliti berbanding 32 lokaliti Wabak Aktif pada ME 19. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

Manakala bagi Wabak Baru (WB) pada ME 19/2023 adalah sejumlah 7 kes dilaporkan namun berkurang kepada 3 kes pada ME 20/2023. Seterusnya, Wabak Terkawal (WT) pada ME 19/2023 adalah 19 kes dan meningkat kepada 32 kes pada ME 20/2023

Selanjutnya, Wabak Tidak Terkawal (WTK) pada ME 19/2023 adalah 1 kes dan menaik kepada 3 kes pada ME 20/2023. Diikuti pula dengan *Hotspot* (HS) pada ME 19/2023 adalah 5 kes dan berkurang kepada 4 kes pada ME 20/2023. Secara keseluruhan bagi Wabak Terkawal, Wabak Baru, Wabak Tidak terkawal dan Hotspot pada ME 19/2023 adalah 32 kes manakala ME 20/2023 adalah 42 kes.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

8. Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Cawangan Bandar Utama kini telah dibuka kepada orang awam secara rasminya pada 27 Mei 2023. Perpustakaan Komuniti ini merupakan perpustakaan cawangan ketiga di bawah pengurusan MBPJ selain dua lagi perpustakaan cawangan sedia ada di Kota Damansara dan Taman Medan.

Perpustakaan yang berkeluasan lantai lebih kurang 2,200 kaki persegi ini, dilengkapi dengan hampir 10,000 judul buah buku yang terdiri dari pelbagai bidang dan tajuk. Selain itu, perpustakaan ini juga turut dilengkapi dengan beberapa kemudahan lain seperti pinjaman bahan bacaan dengan pelbagai koleksi yang sesuai dengan peringkat umur, perkhidmatan internet dan *wifi*, ruang bacaan santai, ruang bacaan terbuka, kemudahan komputer dan *e-books* serta pinjaman “*boardgames*” untuk aktiviti riadah minda dan lain-lain lagi.

Penubuhan perpustakaan ini bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada penduduk khususnya golongan pelajar dan

kanak-kanak selain dapat menggalakkan mereka untuk menjadikan aktiviti membaca sebagai satu budaya dan memanfaatkan perpustakaan ini untuk memenuhi masa lapang.

Perpustakaan Komuniti Cawangan Bandar Utama ini telah mencatatkan pengunjung atau penggunaan yang tertinggi iaitu berjumlah 14,757 orang bagi tempoh bermula bulan Ogos 2019 sehingga April 2023 dengan mengambil kira penutupan sepanjang tempoh PKP yang lalu. Melalui insiatif lain, MBPJ turut menyediakan sebuah perpustakaan bergerak yang dikenali sebagai “*Library On Wheels*” yang memberikan perkhidmatan perpustakaan begerak ke lokasi yang ditetapkan di sekitar Petaling Jaya.

Selain itu terdapat juga booth pameran berkaitan thematic learning city (sejajar dengan tema perasmian perpustakaan komuniti cawangan Bandar Utama ini) yang mana fokus utamanya adalah untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pembelajaran yang mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua golongan terdiri daripada kanak-kanak, orang dewasa dan golongan warga emas dengan bermatlamatkan untuk pemerkasaan individu dan perpaduan sosial, pembangunan ekonomi dan memperkayakan budaya serta pembangunan mampan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,**

9. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menghantar seramai 12 orang pegawai yang telah dipilih untuk mengikuti kursus jangka pendek luar negara melalui program Bandar Persahabatan Petaling Jaya (*PJ Friendship City Programme*). Keberadaan pegawai-pegawai di bawah program *friendship city* ini adalah di Bandar Asan dan Seongbuk-Gu (Korea Selatan) 7 Mei 2023 - 5 Jun 2023, Bandar Miyoshi (Jepun) : 12 Mei 2023 - 9 Jun 2023 dan Kota Bandung (Indonesia) : 15 Mei 2023 - 12 Jun 2023.

Untuk makluman semua, program pelepasan kakitangan yang akan mengikuti kursus jangka pendek ini telah diadakan di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA 2) yang dihadiri oleh Y.Bhg Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar serta Ketua Jabatan bagi memberi amanat dan sokongan kepada pegawai yang terlibat di dalam program ini.

Kursus/program ini bermatlamat untuk memperluaskan lagi hubungan dua hala antara bandar persahabatan dan merupakan pendekatan praktis bagi mengetengahkan potensi dan amalan baik (*best practices*) bandar masing-masing di peringkat global untuk faedah bersama khususnya bagi meningkatkan sistem penyampaian (*delivery system*) pihak berkuasa tempatan dalam pelbagai bidang selaian menambah ilmu pengetahuan pegawai yang belajar dan menimba pengalaman baru di tempat mereka menjalani kursus.

**Sekian, terima kasih.**